

KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM

UNIVERSITI MALAYA

LATARBELAKANG

Kursus jangka pendek Kursus Pengajian Al-Quran (KPAQ) anjuran Kursus Pengajian Al-Quran & Al-Sunnah (KPQS), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya mula diperkenalkan pada September 2001. Kursus ini menggabungkan tiga elemen penting yang mendasari pengajian al-Quran iaitu kemahiran tajwid dan tilawah al-Quran serta *tarannum* (lagu-lagu al-Quran), bahasa al-Quran dan ilmu-ilmu al-Quran. Setelah beroperasi hingga kini, kursus ini telah berjaya menarik minat masyarakat Islam mendalami ilmu-ilmu al-Quran yang bersifat semasa di samping menguasai kemahiran tilawah al-Quran serta bahasa Arab sebagai bahasa pengantar al-Quran.

OBJEKTIF

Kursus ini diperkenalkan kepada masyarakat awam bertujuan untuk menyebarkan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan kitab suci al-Quran kepada mereka. Antara objektif utama kursus ini :

- Membimbing masyarakat awam membaca al-Quran dengan betul (*tartil*).
- Mendedahkan mereka kepada kefahaman sebenar tentang isi-isi kandungan al-Quran khususnya hukum-hukum yang terkandung di dalamnya.
- Mengajar dan membimbing mereka bagaimana mempraktikkan segala perintah terkandung di dalam al-Quran.
- Menjadikan mereka cintakan al-Quran serta meletakkannya sebagai *dustur* (perlembagaan) hidup sepanjang hayat.

TEMPAT DAN PERJALANAN KURSUS

Kelas diadakan di Bilik Seminar dan Dewan Kuliah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur. Kursus ini dijalankan secara kuliah yang disampaikan oleh pensyarah.

TEMPOH KURSUS DAN WAKTU PEMBELAJARAN

Kursus ini mengandungi 4 modul dan setiap modul dijalankan selama 4 bulan. Kuliah diadakan setiap hari Sabtu dari 9.00 pagi - 11.00 pagi.

SYARAT-SYARAT KEMASUKAN

- Warganegara Malaysia.
- Minimum Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf dengannya.

STRUKTUR PROGRAM

- **Sijil Penyertaan** - Peserta perlu menghadiri kelas sebanyak 80% untuk melayakkan diri untuk mendapatkan sijil penyertaan.
- **Sijil Kelulusan** - Peserta perlu lulus (markah lulus 40) dalam peperiksaan bagi kesemua subjek yang ditawarkan. 80% kehadiran perlu untuk melayakkan diri untuk menduduki peperiksaan.

YURAN

Yuran kursus bagi setiap modul ialah RM 400.00 sahaja. Yuran yang dibayar tidak akan dikembalikan jika peserta gagal mengikuti kursus atau apa jua sebab kecuali kursus dibatalkan oleh pihak penganjur.

SUBJEK YANG DITAWARKAN

MODUL I

ULUM AL-QURAN I

Membincangkan pengertian al-Quran, ciri-cirinya, nama-nama Qira'at, kemukjizatan, sebab-sebab *nuzulnya*, hikmah penurunan secara beransur-ansur, ayat-ayat *muhkamat*, *mutasyabihat*, *makkiyyah*, *madaniyyah*, sejarah pengumpulan al-Quran serta perkara-perkara yang berkaitan.

HUKUM TAJWID I

Membincangkan bentuk-bentuk huruf al-Quran. Pengenalan ilmu Tajwid dan hukum mempelajarinya, *makhraj-makhraj* huruf, sifat-sifat huruf dan kaedah pembacaan secara bertajwid.

BAHASA AL-QURAN I

Bertujuan untuk mempelajari pengertian kalimah, ayat dan gaya bahasa al-Quran serta tatabahasa Arab yang berkaitan dengannya secara mudah, ringkas dan praktikal.

TAFSIR AYAT AL-AHKAM I

Membincangkan ayat-ayat terpilih yang berkaitan dengan hukum-hukum.

MODUL II

TAFSIR AYAT AI-AHKAM II

Merupakan lanjutan dari Tafsir Ayat AI-Ahkam I. Ia lebih memfokus kepada tafsir *Mawdui'* dan tafsir *tahlili* terhadap beberapa ayat dari surah-surah yang terpilih seperti *al-Baqarah (282-283)*, *al-Mujadalah (1-4)* *al-Talaq (1-3)*, *al-Nisa' (92-93)* dan lain-lain.

ULUM AL-QURAN II

Membincangkan pengertian ilmu tafsir dan pembahagiannya seperti *Tafsir bi al-Riwayah*, *Tafsir bi-al-Dirayah (AI-Ra'yi)* dan *Tafsir al-Isyari*.

HUKUM TAJWID II

Merupakan lanjutan dari kursus Tajwid dan Tilawah al-Quran I. Membincangkan tentang hukum *nun* mati dan *tanwin*, hukum *mim* mati, hukum *mim* dan *nun* bertasydid *mad* dan *qasar*, *basmalah* dan hukumnya.

BAHASA AL-QURAN II

Membincangkan jenis-jenis ayat di dalam al-Quran dan sistem pembentukannya, sistem perubahan kalimah di dalam ayat menurut tatabahasa Arab dan praktikaliti terhadap ayat-ayat al-Quran, *adawat* dan fungsinya di dalam ayat, jenis-jenis gaya bahasa al-Quran dan sistem maknanya.

MODUL III

AL-QURAN DAN PEMBINAAN SYAKHSIAH

Menghuraikan keberibadian muslim berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Penekanan diberikan kepada Rasulullah s.a.w. sebagai model keberibadian muslim, peranan ibadat dalam membina sifat-sifat peribadi muslim, adab dan budaya hidup muslim serta nilai-nilai murni dalam Islam.

HUKUM TAJWID III

Lanjutan dan pelengkap kepada Tajwid dan Tilawah al-Quran I dan II. Membincangkan tentang *waqaf* dan bahagian-bahagian tanda *waqaf* yang terdapat dalam al-Quran, *hamzah wasal*, hukum *lam*, *isti'azah* serta adab-adab membaca al-Quran.

BAHASA AL-QURAN III

Merupakan lanjutan dari kursus Bahasa al-Quran II. Membincangkan mengenai cara penyusunan jumlah ayat dalam al-Quran, pembahagian asas kalimah serta keperluan dalam pembentukan ayat mengikut peraturan-peraturan bahasa Arab.

AQIDAH DALAM AL-QURAN

Menghuraikan tentang aqidah *ahl al-sunnah wa al-jama'ah* yang merangkumi perkara-perkara pokok bagi pegangan setiap muslim.

MODUL IV

AL-QURAN DAN PEMBINAAN MASYARAKAT

Menghuraikan tentang hubungan Islam dan masyarakat, pengabdian kepada Allah dan masyarakat, keadilan di dalam al-Quran, kepentingan pimpinan dalam pembinaan masyarakat dan amanah dalam kehidupan masyarakat.

BAHASA AL-QURAN IV

Lanjutan dari pelajaran yang lepas dan membincangkan *al-nakirah, al-ma'rifah, al-mudhakkar* dan *al-mu'annas*.

TARTIL AL-QURAN

Merupakan lanjutan dan kesinambungan dari pelajaran Tajwid & Tilawah Al-Quran. Pelajar didedahkan dengan bacaan al-Quran yang betul dan menghafal al-Quran.

METOD TAFSIR AL-QURAN

Membincangkan tentang metodologi yang digunakan oleh para mufassir dalam mentafsir ayat-ayat al-Quran.

MODUL V (pilihan)

BAHASA AL-QURAN V

Lanjutan dari pelajaran yang lepas, membincangkan tentang bahasa Arab menerusi teks al-Quran, ibadah, *nasab, jazam* dan sebagainya.

TARANUM AL-QURAN

Pelajar didedahkan dengan bentuk lagu yang sering digunakan dalam pembacaan al-Quran seperti *Bayati, Misri, Shika, Ras* dan sebagainya.

KAEDAH PENGHAFALAN AL-QURAN

Membincangkan kaedah penghafalan al-Quran merangkumi teknik-teknik penghafalan ayat-ayat pendek dan ayat-ayat panjang, memelihara dan mengekalkan penghafalan, adab-adab seorang hafiz dan sebagainya.

QASAS AL-QURAN

Mendedahkan kepada peserta tentang kisah-kisah terpilih yang diceritakan dalam al-Quran untuk pedoman dan pengajaran kehidupan seharian.

BORANG PERMOHONAN KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN AKADEMI PENGAJIAN ISLAM UNIVERSITI MALAYA

NAMA : _____

NO K/P : _____

UMUR : _____

ALAMAT: _____

:

:

:

NO TELEFON : _____

EMAIL : _____

BORANG DIALAMATKAN KEPADA :

URUSETIA
KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN
KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN &
AL-SUNNAH (KPQS)
ARAS 4 BLOK D
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
50603 KUALA LUMPUR

WEBSITE: www.spaq-apium.com
FB : Kpqs Apium
TELEFON : 03-79676167
WHATAPPS : 014-237-6025
FAKS : 03-79560705



KPAQ

KURSUS
PENGAJIAN AL-QURAN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR



DI BAWAH ANJURAN :
KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN
& AL-SUNNAH (KPQS)
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR